

## Pandangan Gerakan Islam Liberal Terhadap Hak Asasi Wanita

Farahwahida Bt. Mohd Yusof & Nur Raihan Binti Nordin

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui Pandangan Gerakan Islam Liberal terhadap Hak Asasi Wanita. Objektif kajian ini juga mengemukakan sejarah perkembangan gerakan Islam Liberal, mengkaji pandangan gerakan Islam Liberal terhadap Hak Asasi Wanita dan mengetahui pandangan Islam terhadap Hak Asasi Wanita yang diperjuangkan oleh gerakan Islam Liberal. Di antara metodologi yang digunakan untuk mendapatkan data bagi kajian ilmiah ini ialah Metode Penentuan Subjek, Metode Pengumpulan Data serta Metode Analisis Data. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa pemikiran Islam Liberal berfungsi untuk membebaskan pemikiran umat Islam yang kononnya kolot dan jumud kepada pemikiran yang lebih moden bersesuaian dengan peningkatan intelektual masyarakat Islam masa kini. Dari aspek luaran, aliran ini seolah-olah memperjuangkan apa yang dituntut oleh syariat Islam, namun pada hakikatnya mereka begitu lantang mempertikai perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Mereka juga menjadikan golongan wanita antara sasaran utama dengan menyebarkan isu-isu kontroversi berkenaan wanita dalam usaha meraih pengaruh dari kaum hawa. Jadi dapatan kajian ini telah mengemukakan garis panduan serta hukumhukum syarak berkaitan dengan isu-isu yang dikontroversikan oleh gerakan ini terhadap wanita berdasarkan dalil al-Quran dan as-Sunnah serta pandangan ulama dan intelektual Islam.

*Katakunci :* gerakan Islam Liberal, hak asasi wanita

### Pengenalan

Dewasa ini perkataan Islam seringkali disandarkan dengan pelbagai perkataan seperti Islam Progresif, Islam Moderat, Islam Kontemporar, Islam Hadhari dan akhir-akhir ini Islam Liberal. Perkembangan ideologi Islam Liberal semakin menular di kalangan masyarakat Islam di Malaysia dan keadaannya semakin membimbangkan. Pemikiran Islam Liberal ini pada dasarnya berakar pada idea kebebasan tanpa sekatan, baik dalam bidang agama, ekonomi, sosial, politik dan perundangan. Bagi mereka, individu lebih penting daripada masyarakat. Masyarakat wujud untuk individu dan individu bebas dari ikatan agama (Harussani Hj Zakaria, 2006: 21). Menurut Fellow Institut Pemikiran dan Peradaban Islam Antarabangsa (Istac), Prof. Dr. Muhammad 'Uthman el-Muhammady (2005: 7), jika dilihat dari sudut intelektual, Islam Liberal merupakan suatu aliran yang sedang dipromosikan oleh Barat dan setiap umat Islam perlu menyedarinya agar tidak terperangkap dalam Islam Liberal yang bersifat liberal dalam kehidupan seharian sebagaimana pandangannya:

*“Pada asasnya perkataan liberal dalam kehidupan seharian bukanlah satu perkataan negatif malah ia adalah suatu kelebihan dan sangat dianjurkan oleh Islam. Sikap bertoleransi, mengambil kira kepentingan orang lain dan bersikap mengalah kepada perbalahan adalah sifat liberal yang positif.”*

Ini berbeza dengan aliran Islam Liberal yang diperkenalkan Barat yang tidak mengiktiraf dan menghormati huraian ilmu Islam klasik serta tidak mahu tunduk kepada autoriti yang ada seperti ulama Usuluddin, imam mujtahid dalam menerangkan ilmu feqah dan ulama sufi dalam soal kerohanian. Golongan ini sebaliknya lebih senang dengan pentafsiran sendiri, berdasarkan

akal semata-mata dan hanya memilih mana-mana huraian yang bersesuaian dengan logik akal, kononnya bagi mengikuti dan menyesuaikan dengan perkembangan semasa

Firman Allah S.W.T lagi :

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ

الْخٰسِرِيْنَ ﴿٨٥﴾

*Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.*

(Surah Ali Imran : 85)

Pandangan Gerakan Islam Liberal berhubung Hak Asasi Wanita pula lebih tertumpu kepada perkara yang diharamkan di dalam Islam, tetapi dihalalkan oleh gerakan ini, begitu juga sebaliknya. Wanita merupakan golongan yang mudah dipengaruhi, seringkali menjadi sasaran gerakan Barat dalam menyebarkan ideology liberal mereka. Kedudukan wanita seringkali dieksploitasi oleh Barat sehingga mendatangkan kemudaratan dalam masyarakat bahkan ternyata bertentangan dengan agama.

Oleh yang demikian, fahaman Islam Liberal di dunia Islam perlu dilihat sebagai satu ancaman. Ini telah dibuktikan oleh sejarah kerana fahaman atau ideology merupakan satu cara yang efektif untuk melemahkan umat Islam dengan menghancurkan mereka dari dalam dengan menjauhkan umat Islam daripada ajarannya. Sejarah perang salib membuktikan umat Islam tidak dapat dikalahkan melalui senjata dan peperangan. Oleh itu pihak Barat menggunakan cara imperialisme pemikiran dengan membawa produk baru yang dinamakan Islam Liberal (Harussani Hj. Zakaria, 2006: 20).

### **Pernyataan Masalah**

Kehadiran Gerakan Islam Liberal dalam masyarakat Islam telah mengundang pelbagai kesan kepada masyarakat. Bagi golongan wanita, mereka seringkali disogokkan dengan tanggapan negatif tentang ajaran yang dianjurkan oleh Islam. Pelbagai pihak telah memperkatakan tentang hak-hak wanita, kesamarataan dan kebebasan (*Women's Liberation*). Mereka termasuklah golongan orientalis yang sentiasa berusaha untuk memberikan gambaran yang buruk terhadap hak-hak wanita dalam Islam. Hal ini seolah-olah ingin menunjukkan bahawa hak golongan wanita dalam Islam telah dirampas dan dicabul (Abdul Manan Bin Ismail, 2006: 6). Selain itu, golongan ini sudah mula menganjurkan pergerakan pembebasan wanita dan ia mendapat sokongan daripada pelbagai pihak termasuk kaum lelaki.

Istilah pembebasan di sini bermaksud (pada awal sejarahnya) membebaskan diri daripada kezaliman khasnya dari kongkongan peraturan-peraturan agama Institusi Gereja Katolik Rom. Gerakan Pembebasan Wanita lahir di Amerika dan Eropah. Kebanyakannya diketuai oleh bangsa Yahudi atau mereka berfahaman Sosialisme (Marxisme) seperti Betty Freiden (1921M) dan Germaine Greer (1971M) (Sulaiman Nordin, 1997: 122).

Tidak dinafikan, tuntutan untuk mendapatkan hak-hak asasi bagi wanita merupakan satu perkara yang harus disokong dan perlu diambil perhatian oleh semua pihak. Namun, jika ia dilakukan tanpa merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah, pergerakan ini pastinya akan meruntuhkan masyarakat. Ternyata gerakan ini diterajui oleh gerakan 'Iluminati' (Sulaiman

Noordin, 1997: 148) bagi tujuan batil. Pembebasan wanita kebanyakannya bertujuan untuk membebaskan diri daripada peraturan nilai agama Antaranya hak sama rata wanita dengan lelaki, kewajipan menutup aurat yang dikatakan menindas kaum wanita mahupun persoalan poligami yang melibatkan hukum Allah S.W.T. Melihat kepada permasalahan ini, pengkaji memikirkan perlunya satu kajian dilaksanakan dalam mengkaji permasalahan ini dengan lebih dekat.

### **Objektif Kajian**

Dalam melaksanakan sesuatu kajian, objektif kajian haruslah diberi perhatian memandangkan ia berfungsi sebagai satu kerangka rujukan bagi memastikan pelaksanaan kajian berjalan dengan lancar dan sistematik. Justeru, pengkaji telah menetapkan beberapa objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini iaitu:-

1. Mengetahui sejarah perkembangan gerakan Islam Liberal.
2. Mengkaji pandangan gerakan Islam Liberal terhadap Hak Asasi Wanita.
3. Mengetahui pandangan Islam terhadap Hak Asasi Wanita yang diperjuangkan oleh gerakan Islam Liberal.

### **Kepentingan Kajian**

Pengkaji sangat berharap agar kajian yang dilakukan ini dapat dimanfaatkan oleh semua umat Islam. Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan yang ingin disampaikan. Antaranya ialah ianya bertujuan untuk memberi gambaran sebenar ideologi yang dibawa oleh gerakan Islam Liberal dalam masyarakat Malaysia terutamanya dalam isu berkenaan Hak Asasi Wanita.

Dengan adanya usaha mengkaji berkenaan gerakan Islam Liberal khususnya berkenaan Hak Asasi Wanita ini, ia dapat membuka minda wanita Islam khususnya agar tidak terkeliru dengan ideologi yang dibawa oleh gerakan ini seterusnya dapat menyedarkan masyarakat agar lebih prihatin dengan pengaruh negatif yang dibawa oleh gerakan Islam Liberal.

Selain itu, kajian ilmiah ini juga boleh membantu pihak berkuasa seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Negeri, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan agensi kerajaan yang lain dalam meneliti bahaya gerakan Islam Liberal yang semakin mendapat tempat di hati masyarakat. Seterusnya pihak berkuasa juga boleh mengambil tindakan yang sewajarnya dalam menangani perkembangan gerakan Islam Liberal ini.

Penulis juga mengharapkan agar kajian ini berguna kepada pihak kerajaan dalam usaha mengenalpasti ideologi yang dibawa oleh gerakan Islam Liberal seterusnya mengambil tindakan susulan yang sewajarnya bersesuaian dengan kehendak syarak. Ini kerana kelompok gerakan Islam Liberal ini semakin mendapat tempat dalam masyarakat berpendidikan tinggi bahkan berjaya mempengaruhi pemikiran masyarakat awam.

Kajian ini juga diharap dapat memberikan input yang berguna untuk pengkaji-pengkaji seterusnya yang berminat untuk mengupas perbincangan mengenai gerakan Islam Liberal ini dengan lebih terperinci terutamanya dalam mengenal pasti doktrin ajaran dan faktor penerimaan masyarakat terhadapnya. Kajian ini perlu diperluaskan kerana masyarakat perlu diberi pendedahan dan kesedaran mengenai bahayanya gerakan ini. Dikhuatiri pemikiran Islam Liberal berjaya menguasai dan mendominasi pemikiran masyarakat Islam di Malaysia keseluruhannya.

### **Analisis Data**

Perbincaraan al-Quran mengenai wanita meliputi pelbagai aspek kehidupan. Ada ayat yang berbicara tentang hak dan kewajibannya, ada pula yang menghuraikan keistimewaan-

keistimewaan tokoh-tokoh wanita dalam sejarah agama atau kemanusiaan. Secara umum surah al-Nisa' ayat 32, merujuk kepada hak-hak wanita:

لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا أَكْتَسَبُوا<sup>ط</sup> وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا أَكْتَسَبْنَ<sup>ع</sup>  
وَسَأَلُوا اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِ<sup>ث</sup> إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا



*Orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; (maka berusahaah kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurniaNya. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.*

(Surah al-Nisa': 32)

Antara hak asasi wanita yang telah digariskan oleh Islam ialah hak berpolitik, hak memilih pekerjaan dan hak menuntut ilmu pengetahuan.

Di dalam Islam tidak terdapat satu pun larangan terhadap penglibatan wanita dalam bidang kehidupan bermasyarakat, termasuk dalam bidang politik. Bahkan sejarah Islam menukilkan betapa kaum wanita terlibat dalam berbagai bidang termasuk bidang kemasyarakatan. Salah satu ayat yang seringkali dikemukakan oleh para pemikir Islam berkaitan hak politik kaum wanita sebagaimana dalam surah al-Taubah ayat 71:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ<sup>ع</sup> يَأْمُرُونَ  
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

*Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan.*

Ayat di atas memberi gambaran tentang kewajiban melakukan kerjasama antara lelaki dan wanita dalam berbagai bidang kehidupan terutamanya dalam menyeru kebaikan dan mencegah kemungkar. Dengan demikian, setiap lelaki dan wanita hendaklah mampu mengikuti perkembangan masyarakat agar mereka mampu melihat dan memberi nasihat dalam pelbagai bidang kehidupan (Amin Al-Khuli, t.t: 13).

Dalam melantik wanita sebagai wakil rakyat, Ibn Qudamah (t.t., 5: 202) menyatakan bahawa kesemua perkara yang sah pada hukumnya bagi seseorang itu mengendalikannya sendiri, dan perkara tersebut boleh diserahkan kepada orang lain untuk menguruskannya, maka sah hukumnya bagi dia menjadi wakil kepada orang lain pada perkara yang sama. Oleh itu, wanita boleh menjadi wakil kepada orang lain, pada perkara yang hukumnya sah diuruskannya sendiri,

dan perkara tersebut boleh juga diserahkan kepada orang lain untuk menguruskannya. Manakala menurut Mustafa al-Sibaie (1963: 156) tugas utama wakil rakyat ada dua iaitu perundangan dan pengawasan.

Dalam bidang perundangan, Islam tidak melarang wanita bekerja dalam bidang perundangan sebagai penggubal undang-undang dan peraturan kerana perkara utama melayakkan seseorang wanita itu bekerja dalam bidang ini ialah ilmu pengetahuan yang mendalam di samping mengetahui keperluan dan kepentingan asas masyarakat. Islam memberi peluang pembelajaran yang sama antara lelaki dan wanita tanpa diskriminasi. Rasulullah s.a.w. bersabda, yang bermaksud:

*Menuntut ilmu itu adalah wajib ke atas setiap Muslim.*

(Abu Daud 1986: 9).

Ilmu pengetahuan menjadikan seseorang wanita mempertingkatkan kualiti, mental dan personaliti serta mempunyai pendapat yang tepat dan mantap, idea yang bernas sama seperti kaum lelaki. Ilmu pengetahuan juga menjadikan seseorang wanita berwibawa dan berkemampuan untuk bekerjasama dengan kaum lelaki dalam bidang perundangan, menggubal undang-undang dan membuat peraturan.

Kewibawaan Saidatina Aishah r.a. dalam bidang ilmu pengetahuan digambarkan oleh Abu Musa al-Asha'ari dengan katanya yang bermaksud:

*Walau apa sahaja hadis yang menjadi kemusykilan kepada kami, para sahabat Rasulullah s.a.w. maka kami bertanya Aishah r.a nescaya kami dapati ia mempunyai ilmu pengetahuan tentang perkara itu.*

(Al-Tirmidhi, 1938 :53).

Ibn Hajar (t.t.: 107) menyatakan, kebanyakan sahabat mempelajari hokum syarak dan kesusasteraan Arab daripada Saidatina Aishah r.a. bahkan satu perempuan daripada hukum syarak diambil daripadanya. Kejayaan Saidatina Aishah r.a. dalam bidang perundangan Islam menjadi bukti bahawa wanita Islam yang diberi asuhan dan pendidikan yang baik serta peluang pembelajaran yang secukupnya juga mampu menguasai bidang ilmu pengetahuan yang luas termasuk bidang perundangan. Begitu juga mereka mampu bekerjasama dan membantu lelaki dalam menggubal rang undang-undang dan membuat peraturan.

Selain daripada menggubal undang-undang seseorang wakil rakyat juga bertugas mengawasi perlaksanaan dasar kerajaan dan perlaksanaan tugas ketua eksekutif. Tugas ini termasuk ke dalam *al-Amr Bi al-Ma'ruf Wa al-Nahy 'An al-Munkar*. Dalam Islam tidak wujud diskriminasi antara lelaki dan wanita pada perkara ini.

Ibn Battal menyatakan, hukum tolong-menolong pada urusan yang berkaitan dengan akhirat dan juga urusan dunia diharuskan syarak. Hukumnya adalah *mandub* (sunnat). Ini menjelaskan adanya penglibatan wanita dalam masyarakat dan tidak melarang wanita bekerja sebagai wakil rakyat. Di samping itu al-Quran menyuruh mereka memperbaiki masyarakat dengan menyuruh manusia berbuat kebaikan dan melarang mereka daripada berbuat kejahatan (Andek Masnah Andek Kelawa, 1999: 138).

Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen. Sehubungan dengan itu, rakyat bebas memilih wakil mereka ke Dewan Rakyat dan ke Dewan Perundangan Negeri. Oleh itu, wanita harus dilantik sebagai ahli parlimen kerana tugas utama ahli parlimen ialah menggubal rang undang-undang, membahaskannya serta membela kepentingan rakyat.

Selain dari itu, wakil rakyat hanya terlibat sebagai sebahagian daripada anggota Dewan Undangan Negeri atau Parlimen di dalam menjalankan tugas-tugas yang ditetapkan. Bukanlah mereka yang membuat keputusan, tetapi keputusan yang dicapai adalah hasil persetujuan

bersama sesudah perbincangan. Ini bermakna bukanlah wakil rakyat wanita yang membuat keputusan tetapi mereka adalah rakan yang memberi kerjasama dan bantuan untuk mencapai sesuatu keputusan.

Al-Sayyid Muhammad Fathi Othman (t.t.: 64) menyatakan kuasa menggubal undang-undang yang menjadi tugas ahli parlimen tidak termasuk ke dalam *al-wilayah al-'Ammah* yang terlarang bagi wanita menceburinya. Di sini jelas menunjukkan Islam tidak melarang wanita melibatkan diri dalam masyarakat sebagai wakil rakyat, ahli dewan perundangan negeri dan ahli parlimen. Tetapi kepemimpinan wanita adalah terikat dengan batas-batas yang telah ditetapkan oleh syara. Sebagai contoh, pada kebiasaannya *al-Bay'ah* disertai dengan berjabat tangan antara pemimpin dan rakyat. Jadi wanita perlu mengelakkan diri dari melakukan perkara yang diharamkan oleh syarak bagi mengelakkan kemurkaan Allah S.W.T.

## **Perbincangan**

Islam satu-satunya agama yang memberi pengiktirafan tinggi kepada kaum wanita berbanding agama yang lain. Selain mempunyai peranan dan hak yang sama dengan kaum lelaki, Islam turut memberi kebebasan kepada kaum wanita untuk bertindak dan menguruskan diri dan harta miliknya.

Peranan wanita tidak terbatas dalam lingkungan rumahtangga semata-mata, malah turut berperanan dalam pembangunan negara. Wanita dan lelaki sama-sama bertanggungjawab memimpin masyarakat dan memandu mereka ke jalan Allah S.W.T. Walau bagaimanapun, dewasa ini gerakan Islam Liberal semakin berpengaruh dan mendapat tempat di hati masyarakat terutamanya golongan wanita apabila pelbagai isu kontroversi berkenaan wanita diutarakan. Hal ini menjadi suatu perdebatan hangat apabila gerakan ini berjaya memanipulasi isu-isu tertentu dan ia memerlukan penyelesaian segera. Namun dalam kajian ilmiah ini, penulis hanya mengutarakan empat isu sahaja berkenaan hak asasi wanita ini.

Senario hari ini menyaksikan penguasaan wanita dalam pelbagai sector pekerjaan. Masyarakat sememangnya mengiktiraf kebolehan wanita yang menguasai pelbagai bidang. Di kalangan wanita elit dan profesional walaupun kebanyakan mereka mempunyai taraf pendidikan yang tinggi, mereka kurang memberi perhatian kepada pendidikan agama. Malah, perkara-perkara asas dalam agama tidak dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Jadi, tidak hairanlah jika golongan ini yang menjadi sasaran seterusnya mendokong gerakan Islam Liberal terutamanya dalam hal yang berkaitan hak asasi wanita. Misalnya, kebanyakan tokoh-tokoh feminis Muslim mempunyai taraf pendidikan yang tinggi serta mendapat tempat di dalam masyarakat. Sehubungan dengan itu, perlunya satu usaha dilakukan bagi memperbetulkan pemikiran golongan wanita elit dan profesional ini agar tidak terpesong dari landasan syariat.

Gerakan Islam Liberal juga boleh disifatkan sebagai golongan yang memutar belitkan agama mengikut kehendak nafsu dan akal semata-mata. Mereka ialah golongan manusia yang suka mengambil kesempatan terhadap kejahilan masyarakat. Sehubungan itu, kaum wanita juga perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan terutamanya ilmu agama. Selain itu, wanita juga hendaklah memahami dan menghayati tanggungjawab mereka kepada Allah S.W.T, diri dan masyarakat. Apabila diri wanita telah dilengkapi dengan ilmu dan iman, sukar bagi mereka untuk ditindas dan diperlekehkan oleh anasir.

Idea-idea yang dibawa oleh Islam Liberal yang kononnya berpaut kepada hujah-hujah al-Quran dan al-Sunnah, sebenarnya telah menyimpang dari tafsirantafsiran konvensional ulama salaf dan khalaf yang muktabar. Dalam hubungan ini, Profesor Yusuf al-Qaradawi mengingatkan masyarakat Islam supaya berusaha sedaya mungkin untuk menguasai manhaj ilmu-ilmu Islam

secara komprehensif sebelum membuat satu-satu rumusan pemikiran baru. Umat Islam juga mestilah bersikap kritis dan objektif apabila membicarakan pemikiran Islam Liberal. Ini ialah kerana pemikiran-pemikiran yang menyimpang seumpama ini sentiasa wujud pada setiap zaman. Fenomena ini sudah pun diperingatkan oleh baginda Rasulullah s.a.w bahawa umatnya akan terpecah kepada 73 golongan, hanya satu sahaja yang dapat dikategorikan sebagai golongan yang benar iaitu golongan yang berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah.

## Rujukan

- Azza M. Karam (1998), *Women, Islamisms and the State: Contemporary Feminisms in Egypt*, London: Macmillan Press Ltd.
- Beterah Alias, Che Zarrina Sa'ari (2006), *Islam dan Emansipasi Wanita*, Kuala Lumpur terbitan Universiti Malaya.
- Charles Kurzman (1998) *Liberal Islam - A Sourcebook*, London: Oxford University Press.
- Charles Kruzman (2001), *Wacana Islam Liberal: Pemikiran Islam Kontemporari tentang Isu-Isu Global*, Bahrul Ulum, Heri Junaidi (terj.).
- Danial Zainal Abidin (2002), *Kit Kombat Islam untuk Remaja*, Kuala Lumpur: PTS Publication.
- Danial Zainal Abidin (2003), *Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden, Edisi Kedua*, Pahang, terbitan PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hanafî Mohamed (1998), *Membentuk Keperibadian Mithali dan Menangani Krisis Moral Wanita Islam*, Kuala Lumpur terbitan al-Hidayah Publishers.
- Haron Din (1988), *Manusia dan Islam*, Kuala Lumpur terbitan Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Ibn. Hajar al-Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Muhammad (t.t.), *Fath al-Bari Sharh Sahih, al-Bukhari*, Jil. 13., Kaherah, Dar al-Fikr.
- Khalif Muammar (2006) *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*, Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Koentjaraningrat (ed.) (1986), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Penerbit P.T. Gramedia.
- Leonard Binder (1988) *Islamic Liberalism: Critique of Development Ideologies*, Chicago: The University of Chicago Press.
- Mahmud bin Bakyr (2003), *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, Brunei terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud Syaltut (1966), *Islam Aqidah wa Syari'ah*, Mesir : Dar al-Qalam.
- Mustafa al-Siba'ie (1963), *al-Mar'ah Baina al-Fiqh Wa al-Qanun*, Beirut al-Maktab al-Islami.
- Raja Rohana Raja Mamat (1991), *Peranan dan Status Wanita Melayu di Malaysia daripada Perspektif Sosial dan Undang-Undang*, Kuala Lumpur terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidi Gazalba (1981), *Pembimbing Latihan Dan Tesis*, Kuala Lumpur terbitan Pustaka Antara.
- Sulaiman Nordin (1995), *Islam, Al-Quran dan Ideologi Masa Kini*, Kuala Lumpur, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Will Durant (1950), *The Story of Civilization*, New York: terbitan Simon and Schuster.
- Yusuf Qardhawi (1994), *Fatwa Masa Kini*, Ustaz Sidi Ahmad (terj.), Kuala Lumpur, Pustaka Salam.
- Yusuf Qardhawi (1996), *Min Fiqh al-Daulah Fi al-Islam*, Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Mohd Khairuddin Aman Razali At-Takiri (2005) *Hukum Wanita Menjadi Imam Solat – Kontroversi Solat Jumaat Dr. Amina Wadud*. Kajang, terbitan Darul Fuqaha Enterprise.